



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI:

LJT 6 Jld. 9/(13)

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

20 April 2016

Semua Juruukur Tanah Berlesen

**PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH BILANGAN
1 TAHUN 2016**

**PELAKSANAAN PEMAKAIAN COP RASMI PROFESIONAL
JURUUKUR TANAH BERLESEN**

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan memaklumkan pelaksanaan pemakaian cop rasmi profesional yang seragam bagi semua Juruukur Tanah Berlesen (JTJB) yang berdaftar dengan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT).

2. LATAR BELAKANG

2.1. Penggunaan cop rasmi ini pernah dilaksanakan oleh LJT pada tahun 1980an dimana semua JTJB telah dibekalkan dengan cop rasmi berkenaan. Walau bagaimanapun amalan tersebut telah dihentikan kerana ianya kurang praktikal dari segi saiz dan berat disamping tiada arahan khusus diberikan mengenai penggunaannya.

- 2.2. Pada masa ini penggunaan cop rasmi di kalangan beberapa JTB dibuat atas inisiatif JTB itu sendiri; menyebabkan pemakaiannya tidak seragam serta kelihatan kurang professional.
- 2.3. LJT telah menerima banyak pertanyaan daripada JTB berhubung perkara ini selain daripada keperluan yang dikehendaki oleh pelanggan JTB sendiri sebagai bukti profesionalisme JTB berkenaan. Sehubungan itu, terdapat juga aduan di mana dokumen yang disediakan oleh JTB telah ditandatangani dan disahkan oleh pihak lain yang bertindak sebagai JTB.
- 2.4. Penggunaan cop rasmi professional telah menjadi amalan oleh badan professional lain yang mana pemakaiannya adalah melalui akta dan pekeliling.

3. PEMAKAIAN

- 3.1 Cop Rasmi ini akan mengandungi maklumat seperti nombor pendaftaran JTB yang mana ianya tidak boleh digunapakai oleh individu lain selain daripada JTB itu sendiri. Ini bagi mengelakkan penyalahgunaan oleh pihak yang tidak bertanggung-jawab.
- 3.2 Cop rasmi ini adalah hak eksklusif JTB dan hanya sah laku sekiranya mempunyai tandatangan JTB dan tarikh ketika ianya diturunkan.
- 3.3 Cop rasmi ini dapat membuktikan jaminan kualiti serta keaslian dokumen yang disahkan oleh JTB.

4. PELAKSANAAN

- 4.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini semua JTB akan dibekalkan dengan satu (1) unit cop rasmi professional oleh LJT.


- 4.2 JTB hendaklah menggunakan cop rasmi ini ke atas semua dokumen/pelan selain daripada Pelan Akui yang disediakan oleh JTB atau melalui penyeliaan JTB secara langsung.
- 4.3 Penggunaan cop rasmi ini bertujuan menjamin akauntabiliti sebarang peranan yang dijalankan serta dikawal selia secara langsung oleh JTB. JTB tidak boleh mengenakan sebarang caj bayaran tambahan ke atas penurunan cop rasmi tersebut selain dari apa-apa caj yang terdapat di dalam Jadual Ketigabelas, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011.

5. TARIKH KUATKUASA

Pemakaian pekeliling ini adalah berkuatkuasa daripada tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



Datuk Sr Ahmad Fauzi bin Nordin *PMW DPMT DSAP JSM SMZ KMN*

Pengerusi

Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

EDARAN DALAMAN:

Setiausaha Lembaga Jurukur Tanah

EDARAN LUARAN:

Semua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri

Pihak Berkuasa Tempatan

Badan Profesional

Ketua Jabatan Teknikal

Persatuan Jurukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)